


**What's next. Now.**  
See what's new in Creative Cloud.  
Plans start at RM44.41/mo. [Buy now >](#)

**Make it. Creative Cloud.**

UOLLS Bersempul 85 - meriahkan perayaan dan Semarak Merdeka Politeknik Malaysia 2018 meriah

# Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka Politeknik Malaysia 2018 meriah

SHARIF KADIR, PSA 3 September 2018



Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah menganjurkan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka Politeknik Malaysia 2018 baru-baru ini. Hampir 1000 orang dari seluruh politeknik Malaysia telah bersama meraikan festival tersebut.

Festival ini mula diperkenalkan pada 2011 di Politeknik Ungku Omar bagi mewujudkan platform untuk menjalinkan perpaduan dan menanam sikap cintakan negara dalam kalangan pelajar melalui kebudayaan, warisan serta kesenian. Secara tidak langsung festival ini juga dapat mencungkil bakat terpendam mahasiswa mahasiswi politeknik



**STUDY UK  
STUDY TU**

**FIND OUT MORE**

STAY CONNECTED



**99%**  
wanita bersebut ia membersihkan dengan lembut sambil melembapkan kulit

**Cetaphil**  
Gula & Cera  
C1000

- Bebas alkohol
- Bebas paraben
- Dipercayai pakar dermatologi


Top 5

Video Hangat

- 1 Ini sejarah Presiden UIAM terdahulu sebelum pelantikan Dr Maszlee Malik, Presiden UIAM baharu
- 2 365 pelajar asnaf terima Dermasiswa Al-Ikhlash hasil inisiatif kutipan zakat daripada staf UMT
- 3 Tahniah YB Dr Maszlee Malik atas pelantikan sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)
- 4 Pelantikan Dr Maszlee sebagai Presiden UIAM cetuskan polemik
- 5 Teruja mulakan kerja di hotel lima bintang, Nul bersyukur ILTIZAM PDP bantu kentalkan keyakinan dirinya




Sempena festival ini, pelbagai acara dipertandingkan termasuklah dikir barat, solekan berkarakter, nyanyian lagu patriotik, pertandingan fotografi dan potret. Lebih 500 peserta dan pegawai dari politeknik dan kolej komuniti telah menyertai pertandingan kali ini. Selain pertandingan acara sampingan lain turut diadakan seperti zumba, permainan tradisional, mini *show* C.U.D.I.P.T bersama artis tanah air dan konvoi merdeka.



*Mahasiswa PSA seronok bermain permainan tradisional yang dianjurkan sempena Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018.*


Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz berkata warisan budaya ini harus dikekalkan kerana ia melambangkan dan mencerminkan identiti sesebuah negara dan bangsa. Amalan budaya masyarakat Malaysia melambangkan sifat majmuk masyarakat kita yang kaya dengan nilai tradisional yang unik dan murni.



*Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz merasmikan majlis penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018.*

Beliau berkata demikian dalam ucapannya merasmikan majlis penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 di PSA. Turut hadir sama, Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail.





*Mohd Ismail bersama pemenang tempat pertama kategori dikir barat dan juara keseluruhan dari Politeknik Kota Kinabalu pada majlis penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018.*

Politeknik Kota Kinabalu, Sabah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka 2018, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018, sekali gus membawa pulang piala pusingan. Manakala Naib Johan menjadi milik tuan rumah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)**

**HEY STUDENT!** KADSIM boleh digunakan di karangkraf Mall

KAD DISKAUN SISWA1

KLIK